

11 JUL 2003

Multaqa-Ong

BUKAN ISLAM TURUT YAKIN KENYATAAN DR MAHATHIR, KATA ONG

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya masyarakat berbilang kaum bekerjasama, memberi keyakinan kepada bukan Islam untuk hidup bersama dalam masyarakat majmuk bagi membangunkan negara ini.

Presiden MCA Datuk Seri Ong Kar Ting berkata sebagai seorang pemimpin masyarakat majmuk, Perdana Menteri bercakap mengenai perkara itu berdasarkan pengalamannya.

"Ini satu kunci kejayaan Malaysia di mana umat Islam dan bukan Islam boleh bercampur gaul, boleh bekerjasama dan berganding bahu untuk mengatasi cabaran membangun negara," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Dalam ucapan perasmian Multaqa Ulama Sedunia semalam, Dr Mahathir antara lain menghuraikan perlunya umat Islam mengetahui tafsiran sebenar Islam, termasuk dalam aspek bekerjasama dengan bukan Islam.

"Dr Mahathir bercakap menerusi pengalaman, dengan kebijaksanaan...sebagai bukan Islam, saya tertarik dan ini sangat menyakinkan orang bukan Islam," kata Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Semalam, pada sesi dialog dengan peserta multaqa itu, Dr Mahathir berkata: "Ada yang berkata adalah salah walaupun untuk bercakap dengan bukan Islam, salah untuk berdampingan dengan mereka, bekerja dan bermain dengan mereka... saya rasa ini adalah mitos yang perlu ditolak."

Ong berkata mesej itu sangat penting terutama disuarakan pada persidangan yang dihadiri oleh ulama dari seluruh dunia.

"Dr Mahathir jadikan Malaysia sebagai contoh, kalau seluruh dunia seperti itu, orang Islam dan bukan Islam saling hormat menghormati walaupun berlainan agama, kita boleh duduk dalam satu komuniti, dalam satu negara dengan aman damai, mesej ini sangat penting," katanya.

Ong berkata peserta multaqa dari luar negara boleh menyaksikan sendiri rakyat pelbagai kaum di negara ini hidup harmoni yang telah membolehkan pembangunan dilaksanakan di Malaysia.

"Mereka nampak Malaysia sudah berjaya, kita bukan bercakap secara teori, kita bercakap menerusi pengalaman yang terbukti," katanya.

Ong berkata beliau juga tertarik dengan kenyataan Dr Mahathir mengenai pentingnya menuntut pelbagai bidang ilmu, selain agama.

"Ia merupakan fakta penting kerana agama bukan sahaja mengajar mengenai mengurus hidup harian malah dalam dunia penuh cabaran ini, ilmu pengetahuan dalam bidang seperti sains dan teknologi sangat penting bagi kelangsungan hidup.

"Bila saya dengar Dr Mahathir cakap, saya lebih yakin agama Islam memang satu agama yang terbuka dan sebenarnya menggalakkan umat Islam menguasai ilmu pengetahuan," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ LAT